

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

**TARIKH JAWAPAN : 25 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah badan ujian meter elektrik bebas berbanding dengan amalan pemeriksaan oleh syarikat-syarikat utiliti untuk mengesahkan ketepatan meter mereka sendiri. Adakah Menteri bersetuju bahawa amalan sekarang menimbulkan isu konflik kepentingan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Meter-meter TNB sedia ada diproses dan diakreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan MS ISO/IEC 17025:2005. Akreditasi SAMM dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Meter-meter Eletronik TNB juga diuji dan dikalibrasi di bawah Piawaian Antarabangsa seperti MS IEC 62053-11, MS IEC 62053-21, MS IEC 62053-22 dan MS IEC 62053-23.
2. Selaras dengan usaha memperkemaskan dan menambahbaik proses pengujian dan penentusahan meter-meter elektrik, bermula pada Jun 2013, Kementerian ini bersama Suruhanjaya Tenaga telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, SIRIM QAS International, National Metrology Lab SIRIM Berhad, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pengilang-pengilang meter elektrik. Satu garis panduan berkaitan proses pengujian dan penentusahan meter-meter elektrik (*Guideline for*

Electricity Meters: Approval, Testing and Initial Verification Requirements) telah dibangunkan bagi memastikan setiap meter elektrik melalui proses pengujian, penentukuran dan penentusahan selaras dengan keperluan-keperluan metrologi.

3. Untuk memastikan ketepatan meter ini terjamin, garis panduan ini menghendaki setiap jenis/jenama meter elektrik yang akan dipasang perlu mendapat kelulusan berikut:
 - i. *Pattern Approval* oleh National Metrology Laboratory (NML), SIRIM Berhad;
 - ii. *Certificate of Approval (COA)* oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
 - iii. *Product Certification* oleh SIRIM QAS International

4. Setiap unit meter yang telah mendapat kelulusan akan dibenarkan untuk menampal pelekat "SIRIM-ST" kepada meter tersebut. Mulai 1 Januari 2013, TNB telah diarahkan untuk memastikan semua meter baru yang akan dipasang di premis-premis pengguna mematuhi keperluan di bawah garis panduan tersebut dan dilengkapi dengan label ST-SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International.

5. Pada masa ini, Suruhanjaya Tenaga bersama SIRIM QAS International sedang menjalankan pengujian ke atas meter digital di premis pengguna secara *sampling* dan bilangan meter yang diuji akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, Kementerian berpandangan bahawa keperluan untuk menubuhkan satu badan bebas untuk menguji ketepatan meter adalah tidak perlu kerana pemeriksaan dan pengujian ketepatan meter akan dilaksanakan dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Tenaga dan dibantu oleh SIRIM QAS.
